



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kegiatan 'Macau Scam' semakin menjadi-jadi
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 30 November 2018

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Kegiatan 'Macau Scam' semakin menjadi-jadi

Dua kes berlaku babitkan mangsa seorang penjawat awam, jurutera elektrik di Bintulu

Oleh Abang Ismail Abang Su'ud

BINTULU: Kegiatan 'Macau Scam' semakin menjadi-jadi dengan dua kes berlaku membabitkan mangsa seorang penjawat awam dan jurutera elektrik di sini dalam kejadian yang berlaku pada 26 November dan 24 November lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak Superintenden

Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, dalam kejadian pada 26 November, seorang penjawat awam lelaki berumur 53 tahun kerugian RM23,056.

Katanya, mangsa menerima pesanan ringkas daripada aplikasi WhatsApp yang memperkenalkan diri sebagai Mr Tiong daripada Maybank AQM Kuching dengan mengatakan mangsa belum menjelaskan baki tunggakan bayaran

pinjaman rumah sebanyak RM4,400.

"Mangsa berasa hairan kerana sepanjang Ogos dan September 2018, beliau menerima panggilan telefon daripada seorang wanita mengenai hal yang sama," jelasnya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurut mangsa katanya, sepanjang bulan Ogos dan September 2018, dia telah membuat enam transaksi berbeza jumlah untuk membayar tunggakan tersebut ke satu akaun Maybank atas nama Lee Gin Choo dan jumlah kesemua transaksi yang telah dilakukan mangsa sebelum ini adalah sebanyak RM23,056 sehingga mangsa menyedari dan mengesyaki dirinya telah ditipu.

Dalam kes kedua Mustafa berkata, ia berlaku pada 24 November membabitkan jurutera elektrik lelaki berumur 30 tahun yang kerugian RM7,150 akibat ditipu dalam modus operandi yang sama.

Katanya, mangsa menerima panggilan tele-

“Mangsa berasa hairan kerana sepanjang Ogos dan September 2018, beliau menerima panggilan telefon daripada seorang wanita mengenai hal yang sama.”

Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Sarawak

fon daripada Encik Rowen yang memperkenalkan diri sebagai pegawai daripada SPRM yang mengatakan mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram sekali gus meminta mangsa membuat laporan berkenaan maklumat peribadi mangsa telah digunakan pihak ketiga untuk memohon akaun JP Morgan Change berkaitan pengubahan wang haram. "Selepas itu panggilan telefon kononnya disambungkan ke Bukit Aman dan mangsa telah bercakap dengan ACP Kamarul berhubung nombor kes SPRM 768-11-2018.

"Pegawai polis itu memberitahu mangsa kes itu adalah kes berat dan waran tangkap telah dikeluarkan

oleh pihak Mahkamah Tinggi untuk menangkap mangsa dan dimaklumkan kes adalah sulit dan tidak boleh diberitahu kepada sesiapa pun," katanya.

Beliau berkata, pegawai polis itu turut mengatakan sekiranya perkara itu tidak benar, kes akan dihubungkan ke Unit AMLA iaitu unit cegah pengubahan wang haram bagi menjalankan siasatan untuk membuktikan mangsa tidak terlibat dengan kegiatan tersebut.

"Menurut lelaki itu juga, untuk membuktikan mangsa tidak terlibat dan bersalah dalam gejala itu, semua akaun peribadi mangsa hendaklah diaudit dan pihak Mahkamah Tinggi telah memberikan

nombor akaun perlindungan CIMB Bank atas nama Nur Ziana Binti Salleh kerana mangsa telah dimaklumkan sementara menunggu akaun miliknya diaudit.

"Semua wang miliknya perlu dimasukkan ke dalam akaun yang diberikan untuk memudahkan segala urusan dan mangsa juga telah diberikan satu surat melalui WhatsApp berkenaan perkara itu daripada Jabatan Audit Negara," katanya.

Beliau berkata, selepas itu mangsa telah memin-dahkan wang RM2,800 dari akaun CIMB Bank dan RM3,150 dari akaun Public Bank dan RM1,200 dari akaun Affin Bank milik mangsa ke akaun yang telah diberikan pegawai polis itu.

Jelasnya, pegawai polis itu juga mengarahkan mangsa melaporkan diri kepada Puan Sheera di Bahagian AMLA setiap tiga jam dan selepas itu, mangsa telah memaklumkan perkara terbabit kepada isterinya dan mangsa diberitahu telah ditipu.